

Ramai buru belangkas di Melaka

Ura 81 | 20/2022 MS:31

Oleh MUHAMMAD

SHAHIZAM TAZALI

utusannews@mediamulia.com.my

ALOR GAJAH: Kemerosotan belangkas di pantai sekitar Tanjung Dahan dan Kuala Linggi dekat sini bukan disebabkan pembangunan laut, sebaliknya harga dan permintaan tinggi di pasaran membuatkan orang ramai 'berlumba-lumba' menangkap haiwan eksotik itu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Perikanan negeri, Mohd. Fauzi Salehon berkata, ini kerana tambakan laut di Kuala Linggi belum bermula dan kawasan paya bakau di sekitarnya juga belum terjejas.

Menurut beliau, kemerosotan tangkapan oleh nelayan mungkin disebabkan semakin ramai individu yang mencari hidupan laut itu kerana mempunyai harga dan permintaan memberangsangkan.

"Kalau diikutkan, bahagian Kuala Linggi masih belum ada lagi pembangunan tambakan laut kerana yang banyak berlaku (tambakan) di Melaka Tengah.

Tetapi, di Linggi belum lagi dan kawasan paya bakau juga masih ada."

"Kalau nelayan kata masalah ini berlarutan sejak dua atau tiga tahun kebelakangan ini, aktiviti tambakan laut memang tiada di kawasan itu. Jadi, pada saya, berkemungkinan masalah ini disebabkan semakin ramai yang menangkap belangkas.

"Belangkas semakin berharga kerana nilainya mencecah antara RM10 hingga RM20 seekor. Apabila permintaan tinggi, maka harga belangkas juga naik sekali gus mendorong orang ramai untuk mencarinya," katanya ketika dihubungi.

Terdahulu *Utusan Malaysia* melaporkan, pantai sekitar Tanjung Dahan dan Kuala Linggi layak dipanggil 'syurga belangkas' suatu masa dahulu memandangkan rata-rata nelayan di lokaliti berkenaan menjadikan haiwan eksotik itu sebagai punca pendaratan lumayan.

Maka tidak hairanlah restoran dan kedai makan di sekitar kawasan itu juga banyak menawarkan hidangan unik tersebut.